

03 APR 1997

Herzog-Pelaburan

HERZOG JAMIN JERMAN TERUS MELABUR DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Tokoh industri dan ahli perniagaan Jerman akan terus melabur di Malaysia berikutan kestabilan politik dan kewangan negara ini, kata Presiden Jerman Prof Dr Roman Herzog hari ini.

"Jaminan itu dinyatakan kepada saya semasa perbincangan saya dengan wakil-wakil masyarakat perniagaan Jerman di negara ini," katanya pada persidangan berita di sini, pada hari ketiga lawatan negaranya ke Malaysia.

Masyarakat perniagaan Jerman juga menyatakan rasa puas hati mereka dengan peraturan dan insentif kerajaan Malaysia, katanya.

Herzog akan ke Sarawak pagi esok sebelum menamatkan lawatannya ke Malaysia.

Herzog berkata perdagangan antara Jerman dan Malaysia berjumlah DM9 bilion setahun (RM12.6 bilion) dan pelaburan langsung syarikat-syarikat Jerman yang beroperasi di Malaysia berjumlah DM4 bilion (RM5.6 bilion).

Herzog berkata terdapat banyak peluang besar untuk tokoh-tokoh perindustrian dan ahli-ahli perniagaan Jerman di Malaysia, yang tidak memerlukan maklumat lanjut kerana negara ini sangat dikenali oleh rakyat Jerman.

"Tetapi saya menggalakkan mereka untuk memandang ke depan dan apa yang diperlukan mereka ialah satu wawasan," katanya.

Ketika ditanya sama ada terdapat halangan untuk memajukan lagi hubungan perdagangan sedia ada antara kedua-dua negara, Herzog berkata: " Saya bukannya seorang pakar, kerana apabila halangan sedemikian wujud di mana-mana negara, ia mesti berpunca daripada pentadbiran.

"Tetapi di Malaysia, saya tidak mendengar sebarang rungutan daripada wakil-wakil ahli perniagaan Jerman di sini sebaliknya mereka menyatakan rasa puas hati mereka," katanya.

Herzog kedudukan Malaysia sebagai anggota utama Asean adalah penting dalam mengeratkan hubungan baik dengan Eropah.

Beliau gembira kerana tiada masalah politik yang wujud antara kedua-dua negara yang sentiasa mengekalkan hubungan mesra.

Mengenai perbincangannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Herzog berkata mereka mengadakan perbincangan yang berhasil dan menyifatkan Perdana Menteri sebagai jurucakap dunia Asia.

"Semasa perbincangan dengan Dr Mahathir, saya dapat memahami Wawasan 2020 beliau, Koridor Raya Multimedia yang sangat menarik bagi saya dan isu-isu lain yang mengagumkan saya," katanya.

Herzog berkata beliau sangat menyanjung Dr Mahathir yang disifatkannya sebagai seorang yang berwawasan seperti yang digambarkan menerusi program-program pembangunan yang digariskan dalam Wawasan 2020 beliau.

"Kami di Jerman harus mempelajari sesuatu dari Wawasan 2020 dan saya rasa ahli-ahli perniagaan Jerman juga perlu mempunyai wawasan mereka jika mahu lebih berjaya dalam perniagaan masing-masing," katanya.

Mengenai minat Dr Mahathir mendapatkan bantuan Jerman dalam menyediakan latihan profesional untuk ahli pertukangan dan juruteknik yang berkelayakan, Herzog memberi jaminan bahawa perkara itu akan dipertimbangkan dengan serius.

Herzog berkata beliau sangat kagum dengan lawatan ke Institut Kefahaman Islam (IKIM) dengan beliau merasmikan sesi dialog mengenai kepentingan pemahaman sejagat terhadap perbezaan ugama dan kebudayaan. -- BERNAMA

ZAB NAK

